



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS** : PRINSIP EKONOMI  
**KOD KURSUS** : DSM 1043  
**PEPERIKSAAN** : DISEMBER 2021  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:                  BAHAGIAN A (40 Markah)  
    BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab pada kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Jadual 1 menunjukkan kuantiti diminta ( $Q_d$ ) dan kuantiti ditawar ( $Q_s$ ) bagi basikal pada pelbagai tingkat harga.

| Harga (RM) | Kuantiti diminta ( $Q_d$ ) | Kuantiti ditawar ( $Q_s$ ) |
|------------|----------------------------|----------------------------|
| 300        | 20                         | 7                          |
| 600        | 18                         | 12                         |
| 900        | 15                         | 15                         |
| 1,200      | 13                         | 17                         |
| 1,500      | 9                          | 22                         |


**Jadual 1**

Berdasarkan jadual 1:

- Lukiskan keluk permintaan dan penawaran di atas graf yang sama.  
(3 markah)
- Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan.  
(2 markah)
- Jika harga basikal ditetapkan pada RM1, 200, nyatakan sistem kawalan harga yang telah dilaksanakan. Berikan sebab anda.  
(2 markah)
- Senaraikan **tiga(3)** kelemahan sistem kawalan harga yang telah dilaksanakan berdasarkan jawapan 1(c).  
(3 markah)

**SOALAN 2**

Rajah 1 menunjukkan kuantiti diminta ( $Q_d$ ) dan kuantiti ditawar ( $Q_s$ ) bagi telefon pintar pada pelbagai tingkat harga. Kerajaan mengenakan cukai tak langsung yang menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri dari  $S_0$  ke  $S_1$ .

**Rajah 1**

Berdasarkan Rajah 1:

- Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan sebelum cukai.  
(2 markah)
- Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan selepas cukai.  
(2 markah)
- Kirakan cukai per unit yang dibayar oleh pengguna dan pengeluar.  
(2 markah)
- Berapakah jumlah hasil cukai yang dikutip oleh kerajaan?  
(2 markah)
- Siapakah yang membayar cukai yang lebih banyak? Jelaskan jawapan anda.  
(2 markah)

**SOALAN 3**

Jadual 2 menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

| <b>Butiran</b>                            | <b>RM billion</b> |
|---|-------------------|
| Perbelanjaan penggunaan isi rumah         | 8,000             |
| Pelaburan kasar                           | 9,500             |
| Susut nilai                               | 1,600             |
| Caruman KWSP                              | 1,600             |
| Cukai keuntungan syarikat                 | 1,700             |
| Bayaran pindahan                          | 500               |
| Eksport bersih                            | 4,500             |
| Perbelanjaan kerajaan                     | 1,000             |
| Cukai tak langsung                        | 4,500             |
| Cukai pendapatan persendirian             | 3,500             |
| Subsidi                                   | 4,000             |
| Pendapatan faktor bersih dari luar negara | -300              |
| Caruman PERKESO                           | 1,300             |
| Premium insuran                           | 1,000             |

**Jadual 2**

a. Berdasarkan jadual, hitungkan:

- i. Keluaran Dalam Negara Kasar pada Harga Pasar (KDNKh<sub>p</sub>). (2 markah)
- ii. Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor (KDNKh<sub>f</sub>). (2 markah)
- iii. Keluaran Negara Kasar pada Harga Pasar (KNKh<sub>p</sub>). (2 markah)
- iv. Keluaran Negara Kasar pada Kos Faktor (KNKh<sub>f</sub>) (2 markah)
- v. Keluaran Negara Benar (KNB) (2 markah)

**SOALAN 4**

Data kewangan negara Z adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

| <b>Butiran</b>  | <b>RM (Juta)</b> |
|---|------------------|
| Wang kertas   | 2,100            |
| Sijil-sijil boleh runding   | 1,500            |
| Sijil-sijil bank negara   | 2,850            |
| Deposit tetap dan deposit simpanan bank komersial                     | 6,750            |
| Deposit semasa di bank komersial                                      | 7,950            |
| Deposit tetap dan deposit simpanan di lain-lain institusi<br>Kewangan | 7,100            |

**Jadual 3**

a. Jika wang fiat ialah RM7,500 juta, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1. (2 markah)

ii. M2. (2 markah)

iii. M3. (2 markah)

c. Senaraikan **dua(2)** fungsi utama bank perdagangan.

(2 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab pada kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Lakarkan dan terangkan kesan perkara berikut terhadap harga dan kuantiti keseimbangan payung di Malaysia apabila:

a. Tibanya musim hujan di Malaysia.

(10 markah)

b. Bilangan syarikat pengeluar payung di Malaysia berkurang.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **lima(5)** masalah pengiraan pendapatan negara.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Bank pusat adalah institusi kewangan yang penting. Bank tersebut adalah kuasa kerajaan separa bebas yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan untuk sistem perbankan kerajaan dan komersial sesebuah negara. Huraikan **lima (5)** fungsi am bank pusat kepada kestabilan ekonomi sesebuah negara.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Iklim khatulistiwa dan tanah laterit di Malaysia sesuai untuk tanaman kelapa sawit dan getah manakala iklim mediteranean sesuai untuk tanaman buah-buahan sitrus seperti epal, anggur, oren dan strawberi. Untuk mendapat buah anggur, Malaysia akan mengimport dari negara-negara yang beriklim mediteranean. Maka, disini wujudlah perdagangan antarabangsa.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan apakah faktor yang menyebabkan Malaysia tidak boleh mengeluarkan tanaman seperti di negara beriklim mediteranean.  
(2 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** faktor lain yang akan menyebabkan perdagangan antarabangsa berlaku selain jawapan pada soalan 4 (a).  
(8 markah)
- c. Huraikan **lima (5)** persamaan di antara perdagangan antarabangsa dengan perdagangan domestik.  
(10 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**